

BI wajib lebih munasabah daripada PPSMI

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak menyokong langkah mewajibkan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk melayakkan mereka menerima sijil penuh, dan menyifatkan usaha itu lebih munasabah dilaksanakan berbanding dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPS-MI).

Bagaimanapun, mereka mahu kajian terperinci dilakukan supaya hasrat murni meningkatkan penguasaan bahasa kedua itu dapat dilaksanakan secara tersusun dan membawa manfaat kepada semua pelajar

Tokoh akademik, Prof Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, berkata langkah itu dilihat sebagai satu usaha ke arah meningkatkan kualiti pelajar dari segi penguasaan Bahasa Inggeris, selain usaha transformasi sistem pendidikan negara.

"Saya yakin langkah itu adalah lebih baik dari PPSMI. Namun, perkara yang harus ditekankan bagi memastikan cadangan berkenaan membuahkan hasil diharapkan ialah meningkatkan kualiti guru yang mengajar mata pelajaran itu," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta orang ramai memberikan pandangan mengenai kemungkinan calon SPM diwajibkan lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk



“Kajian terperinci perlu dilakukan supaya hasrat baik ini dapat dilaksanakan secara tersusun dan membawa manfaat kepada semua terutama pelajar”

Tan Sri Musa Mohamad
Bekas Menteri Pelajaran

ajaran Bahasa Inggeris untuk melayakkan mereka menerima sijil penuh.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ketika ini calon SPM tidak disyaratkan lulus Bahasa Inggeris walaupun mata pelajaran itu diajar sebagai mata pelajaran di sekolah, selain diiktiraf sebagai bahasa kedua di negara ini.



“Sebelum ini ada calon tidak bersungguh-sungguh belajar Bahasa Inggeris, apabila langkah itu diperkenalkan, saya percaya calon SPM akan lebih serius”

Mohd Khairul Azam Abdul Aziz
Pengerusi Gabungan Graduan Melayu Muda

Timbalan Presiden Persatuan Linguistik Malaysia (LPM), Kamal Shukri Abdullah Sani, berkata kerajaan perlu melihat beberapa perkara sebelum mengambil langkah berkenaan, termasuk membuat kajian keberkesanan bahasa Inggeris yang dilaksanakan selama ini di sekolah.



“Kajian menyeluruh mengenai prasarana dan tenaga pengajar di bandar dan luar bandar. Jurang ini mesti dikecilkan dan dasar ini tidak harus dilakukan secara terburu-buru”

Datuk Reeza Naina Merican
Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung

"Kerajaan juga perlu meneliti kualiti tenaga pengajar bahasa Inggeris dan kemudahan disediakan serta pelajar juga perlu diberi peluang untuk memperbaiki keputusan mereka sekiranya gagal dalam mata pelajaran itu," katanya yang mahu PPSMI dihapuskan jika mahu langkah berkenaan

an dilaksanakan.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Hashim Adnan meminta Kementerian Pelajaran tidak melaksanakan langkah itu secara terburu-buru kerana sebarang perubahan dalam sistem pendidikan negara memerlukan kajian mendalam.

"Guru perlu dipastikan bersedia sepenuhnya bagi memastikan akhirnya pelajar mendapat manfaat," katanya.

Presiden Majlis Pemuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Prof Madya Datuk Dr Mohamad Ali Hassan menyokong cadangan kementerian itu, selain menyifatkan langkah itu lebih baik berbanding PPSMI.

"PIBGN bagaimanapun berharap cadangan itu mestilah disusuli dengan perediaan dari segi guru yang berkualiti selain kakitangan sokongan dan alat bantuan mengajar yang mencukupi bagi memastikan tidak timbul masalah apabila ia dilaksanakan," katanya.

Setiausaha Agung Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Syed Hassan Syed Ali, berkata kementerian harus mengambil langkah berhati-hati sebelum melaksanakan cadangan itu kerana tujuan pelaksanaannya tidak akan tercapai tanpa persediaan infrastruktur yang mencukupi.